

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk membatalkan semua syarat pendaftaran, pengisian borang dan Prosedur Operasi Standard (SOP) (jika ada) yang mendiskriminasikan permohonan anak tidak sah taraf untuk memasuki alam persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan garis panduan pendaftaran persekolahan untuk memastikan setiap maklumat kemasukan murid dapat direkodkan dengan teliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 berkenaan Kemasukan Kanak-kanak Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah. SPI tersebut menjelaskan bahawa kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri boleh diterima masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan sekiranya ibu atau bapa kanak-kanak berkenaan adalah warganegara Malaysia dan memiliki surat pengesahan atau surat perakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018 berkaitan Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara bagi menjelaskan tentang penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kanak-kanak ini perlu mempunyai dokumen seperti berikut:

- i. Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara;
atau
- ii. Perintah Mahkamah tentang hak penjagaan kanak-kanak; atau

SOALAN NO : 24

- iii. Surat Akuan Penjagaan Kanak-kanak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Surat Siaran berkenaan turut menerangkan tentang kanak-kanak yang lahir hasil perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang negara ini di mana bapa kanak-kanak berkenaan adalah seorang warganegara, tetapi ibunya merupakan seorang bukan warganegara. Kanak-kanak ini boleh diterima masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan sekiranya memiliki dokumen berikut:

- i. Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara; atau
- ii. Perintah Mahkamah untuk hak penjagaan yang sah; atau
- iii. Surat Pengesahan atau Surat Perakuan sama ada daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung, Ketua Kaum atau Ketua Rumah Panjang tempat kanak-kanak tersebut tinggal.

KPM telah menetapkan tempoh selama dua (2) tahun kepada ibu bapa atau penjaga yang sah kepada kanak-kanak ini untuk menguruskan dokumen pengenalan diri kanak-kanak berkenaan dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Selain itu, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak ini juga perlu mengemukakan status terkini permohonan dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut kepada pihak sekolah pada setiap awal tahun sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara.